



Balakrishnan (kiri) bersama Mohd Ridzuan (tengah) mengadakan **bantahan berhubung para peniaga tidak mendapat tapak niaga** baru seperti yang dijanjikan oleh Adun PKR di Taman Bersatu, Rawang.

[ FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN / BH ]

kerajaan Selangor, hadir ke pertemuan itu dengan harapan isu berkenaan dapat diselesaikan segera selepas ia tertangguh dua tahun.

“Bagaimanapun, tindakan Pei Nei tidak langsung memaklumkan yang mesyuarat berkenaan ditunda menyebabkan peniaga berasa seolah-olah dipermainkan,” katanya ketika dihubungi *BH Sentral*.

Peniaga berkenaan sebelum ini dijanjikan tapak niaga baru oleh Kerajaan Selangor selepas mereka diarahkan berpindah dari tapak asal di Jalan Rawang-Tasik Puteri, bagi memberi laluan kepada kerja naik taraf laluan pada 2010.

*BH Sentral* sebelum ini menyiarkan mengenai bantahan 56 peniaga berkenaan pada 1 Mac lalu di hadapan pejabat Pei Nei di Taman Bersatu, Rawang.

Bantahan yang turut disertai Presiden Pertubuhan Ikatan Usahawan Kecil dan Sederhana Malaysia (IKHLAS), Mohd Ridzuan Abdullah itu kemudian dibatalkan selepas wakil Pei Nei menyampaikan surat memaklumkan mengenai mesyuarat pada 5 Mac itu.

### **Bantahan besar-besaran**

Balakrishnan berkata, semua 56 peniaga akan mengadakan satu bantahan besar-besaran bagi menggesa kerajaan Selangor menyelesaikan isu itu dengan segera.

“Kami juga akan bertemu Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin Selangor, Dr Xavier Jayakumar bagi meminta bantuan beliau menyelesaikan isu ini.

“Isu ini mungkin dipandang ringan oleh pihak terbabit, tetapi ia membabitkan periuk nasi peniaga.

“Ada antara kami terpaksa bekerja makan gaji selepas tidak mampu mencari lokasi yang menawarkan sewa berpatutan, manakala sesetengahnya tidak meraih keuntungan membe-rangsangkan di lokasi baru,” katanya.

# Selangor pandang ringan isu peniaga

» Masalah dihadapi tertangguh dua tahun, tunda perjumpaan sesuka hati

Oleh **Mohammad Ishak**  
bhkt@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

**K**ecewa lagi! Itu dialami 56 peniaga asal Jalan Rawang-Tasik Puteri (JR-TP) berhampiran Tol Rawang, di sini, apabila mesyuarat bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang, Gan Pei Nei, bagi menyelesaikan isu tapak niaga baru pada 5 Mac lalu, dibatalkan tanpa sebarang makluman.

Pengerusi Persatuan Peniaga Peniaga JR-TP, Datuk A Balakrishnan, mendakwa beliau bersama 56 peniaga yang terbabit dalam isu itu menanti kehadiran Pei Nei hampir dua jam di Pejabat Tanah Daerah (PTD) Gombak.

“Selepas menanti hampir dua jam sejak 3 petang, kami akhirnya dimaklumkan wakil PTD Gombak bahawa mesyuarat berkenaan sudah ditunda pihak Pei Nei.

### **Dijanji tapak baru**

“Peniaga yang sudah lama menanti tapak niaga baru yang dijanjikan